

# Majlis Berbuka Puasa UPPsiKS–Peroda medium santuni golongan OKU

UB 6.6.2018 B2

**KOTA KINABALU:** Majlis Berbuka Puasa anjuran bersama Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial (UPPsiKS), Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Persatuan Berkerusi Roda Kota Kinabalu (Peroda) menjadi medium interaksi dan menyantuni ahli Peroda yang merupakan antaragolongan orang kurang upaya (OKU).

Menurut Ketua UPPsiKS Dr Muhammad Idris Bullare @Bahari, program itu merupakan satu inisiatif pihak UPPsiKS untuk memberikan

khidmat masyarakat dan menyalurkan sumbangan dalam pelbagai bentuk kepada golongan OKU serta pihak Peroda.

“Program ini antara lain bertujuan menerapkan sikap ambil berat dan suka membantu dalam kalangan masyarakat serta sebagai platform untuk mengenali dengan lebih dekat dan menghargai golongan OKU.

“Program ini juga mengajak kita untuk menghayati erti kasih sayang dan kekeluargaan, sekali gus meningkatkan lagi penghayatan bulan Ramadan buat

umat Islam,” katanya.

Tambah beliau, melalui program itu juga, sumbangan kewangan dan jamuan berbuka diperoleh daripada beberapa syarikat dan orang perseorangan, selain sumbangan dalam bentuk wang tunai disalurkan terus ke akaun Peroda.

Seramai 25 ahli Peroda yang terdiri daripada OKU berkerusi roda bersama 50 ahli keluarga OKU dan 15 sukarelawan turut serta pada program itu.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengerusi Peroda Fariz A Rani.



**PARA** ahli Peroda merakamkan gambar kenangan sebelum majlis berbuka puasa.